



PEMANTAPAN JATI DIRI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MELALUI PENDIDIKAN PERGERAKAN KREATIF

OLEH

MUHAMMAD FAZLI TAIB BIN SAEARANI



**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

DISEMBER 2010





PENGHARGAAN

Syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat disiapkan penulisan tesis ini. Ucapan penuh penghargaan tidak terhingga kepada penyelia utama saya Dr. A. S. Hardy bin Shafii kerana beliau banyak memberikan tunjuk ajar dan galakan berguna pada saya. Sifat tegas, ringan tulang, sangat memahami dan lucu menjadikan saya begitu senang belajar di bawah penyeliaan beliau. Tidak lupa kepada Dr. Mumtaz Begum PV Aboo Backer merupakan penyelia kedua saya di mana beliau seorang pensyarah mempunyai sifat keibuan dan sentiasa memberikan pengisian berguna pada kajian ini. Beliau meminjamkan saya beberapa buku dan DVD berkenaan kajian yang saya lakukan. Terima kasih tidak terhingga untuk kedua-dua penyelia saya tanpa mereka kajian ini tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Semoga Tuhan memberkati kalian mendidik insan yang kerdil ini. Kepada Ketua Jabatan Drama dan Teater, pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Seni, segala kerjasama anda membantu saya amat dihargai.

Penghargaan tidak terhingga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris Tg. Malim, Perak (UPSI) terutama kakitangan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) Profesor Madya Dr. Mohd Hassan bin Abdullah selaku Dekan dan Timbalan Dekan; Profesor Madya Zaharul Lailiddin bin Saidon serta pensyarah dan kakitangan sokongan di atas dedikasi bantuan yang diberikan. Seterusnya menerusi Bahagian Sumber Manusia, UPSI (Unit Cuti Belajar) diketuai oleh Puan Hajjah Zainab binti Othman, Cik Zarina binti Mohd Yaacob, Puan Zuraini binti Wandu, Puan Syaidatul Hamera binti Mohd Radzi serta Puan Noor Faridah binti Mohd Saaidin dan





Kementerian Pengajian Tinggi menerusi kakitangan (Unit Skim SLAB), terima kasih kerana membantu menguruskan biasiswa saya.

Penghargaan diucapkan kepada pengetua, guru dan penyelia asrama yang terlibat kerana sudi menyiapkan kelengkapan, penyediaan pelajar bagi menjalankan kajian di sekolah terbabit. Buat Dr. Mahani Razali dan Kak Aida, terima kasih kerana sudi meluangkan masa berkerjasama untuk ditemubual serta memberikan sumbangan idea-idea kreatif mereka. Selain itu, jasa baik tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Salmah Ayob kerana tidak putus-putus memberikan informasi berguna dalam kajian ini.

Penghargaan ditujukan sahabat baik saya, Encik Mohd Rizal bin Roslan (atas pinjaman kamera video). Jurufoto: Amirul, Dini, Fred dan Zainal Abidin terima kasih kerana membantu rakaman sesi aktiviti pergerakan kreatif. Untuk Sara, terima kasih atas cetakan gambar tesis ini. Buat Hamba Allah, Kak Rozi yang baik hati Colleen Citra dan Cik Aainaa Zulkiflie terima kasih atas bantuan terjemahan. Untuk Sahabatku, Mohd Hafiz Bin Che Othman sekeluarga yang bersusah payah memberi bantuan dari segi tempat tinggal, pengangkutan ketika saya berada di Pulau Pinang. Turut sama: Tee Tze Kiong, Man, Chal, Abang Zol, Kak Joana, En Lan & Kak Zura, Kak Lida, Chris, Ibu Nerosti & Bapak Sekeluarga, Rudi, Mohksen, SR berserta keluarga angkat Uncle Roslan, Untie Norizan, Wan, Zal dan Ayu. Tidak lupa kepada ahli-ahli kumpulan Tari Aerobik Pesona Group Tanjong Malim yang diketuai oleh Kak Lin yang dikasihi bersama Thanam, Ecah, Kak Pah, Mira, Kak Mira (gigi), Kak Aisyah dan yang lain. Jasa dan pertolongan anda amat saya hargai dan akan dikenang sampai bila-bila.





Penghargaan paling istimewa buat mama tersayang Puan Foziah binti Munir, kerana sentiasa memberikan galakan penuh dan doa yang tidak putus-putus pada anakmu ini. Untuk adik-beradik tercinta Along (Yani) & Abang Long (Fazil) sekeluarga – Isya manis, angah (Shah), uda (Nana) & Lizar – Husna tembam, Adik (Mus), Mamak Aca dan Maksu serta Paksu sekeluarga di Oman: Alang sayang semua terima kasih atas doa dan sokongan kalian. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini. Untuk arwah baba En Saearani bin Mohd Saaid, titisan air mata mengalir ketika ayat ini ditulis kerana tanpa baba alang tidak akan berjaya di tahap ini. Alang sayang baba. (Al-Fatihah).

Muhammad Fazli Taib bin Saearani

P-SEM0005/08(R)

Pusat Pengajian Seni

Universiti Sains Malaysia





KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
GLOSARI	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
 BAB 1 - PENGENALAN KAJIAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Hipotesis	11
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Kerangka Konsep Kajian	14
1.7 Metodologi Kajian	23
1.7.1 Prosedur Menjalankan Kajian	27
1.7.2 Prosedur Pemilihan Sampel	31
1.7.3 Prosedur Pengumpulan Data	33
1.7.4 Tatacara Rakaman Video dan Fotografi	34
1.7.5 Tatacara Pemerolehan Data	35
1.7.6 Tatacara Pemerhatian	35
1.7.7 Penganalisisan Data	36
1.7.8 Etika Perlaksanaan Kajian	37
1.8 Batasan Kajian	38



1.9	Sorotan Kajian	39
1.10	Takrifan Istilah	51
1.11	Kesimpulan	53

BAB 2 - JATI DIRI DAN PENDIDIKAN PERGERAKAN KREATIF

2.1	Pengenalan	54
2.2	Konsep Jati Diri dan Pergerakan Kreatif	54
2.3	Ekspresi Dalam Pergerakan Kreatif Untuk Pemantapan Jati Diri	68
2.4	Aplikasi Pergerakan Kreatif Menerusi Model Pendidikan Tari	73
2.5	Aplikasi Teori Vygotsky's (1962)	78
2.6	Perspektif Pergerakan Kreatif	81
2.7	Pendidikan Pergerakan Kreatif	87
2.8	Asas Reka Bentuk Kajian	89
2.9	Kesimpulan	98

BAB 3 - IDENTIFIKASI MODUL PEMANTAPAN JATI DIRI MELALUI AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF

3.1	Pengenalan	101
3.2	Kebebasan Pengucapan Idea dan Perasaan	102
3.2.1	Olahan Ekspresi Tubuh	105
3.3	Ritma	109
3.3.1	Pergerakan Berirama	112
3.4	Daya Cipta Kreatif	118
3.4.1	Eksplorasi Pergerakan	122
3.5	Kesimpulan	129

BAB 4 - HASIL PENGANALISISAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	130
4.2	Dapatan Modul Pertama: Kebebasan Pengucapan Idea dan Perasaan Menerusi Aktiviti Olahan Ekspresi Tubuh	132
4.2.1	Pemerhatian: Aktiviti Olahan Ekspresi Tubuh	133
4.2.2	Analisis Modul Pertama: Kebebasan Pengucapan Idea dan Perasaan	141
4.3	Dapatan Modul Kedua: Ritma Menerusi Aktiviti Pergerakan Berirama	149
4.3.1	Pemerhatian: Aktiviti Pergerakan Berirama	150
4.3.2	Analisis Modul Kedua: Ritma	157
4.4	Dapatan Modul Ketiga: Daya Cipta Kreatif Menerusi Aktiviti Eksplorasi Pergerakan	166
4.4.1	Pemerhatian: Aktiviti Eksplorasi Pergerakan	167
4.4.2	Analisis Modul Ketiga: Daya Cipta Kreatif	175
4.5	Dapatan Profil Temubual Berstruktur	182
4.6	Kesimpulan	190

BAB 5 - RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	191
5.2	Rumusan dan Penemuan Kajian	191
5.3	Sumbangan Pembangunan Modul Pendidikan Pergerakan Kreatif	197
5.4	Implikasi Modul Pendidikan Pergerakan Kreatif Terhadap Pemantapan Jati Diri Pelajar Sekolah Menengah	208
5.5	Cadangan Perkembangan Pendidikan	217
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	221
5.7	Penutup	223
	BIBLIOGRAFI	225

**LAMPIRAN**

A	Temubual Bersama Informan	237
B	Borang Profil Temubual Berstruktur	239
C	Jadual Aktiviti Pergerakan Kreatif	246
D	Nota: Pergerakan Kreatif Untuk Pelajar	255
E	Klasifikasi Kod Pemerhatian	260
F	Jadual Pungutan Data Pemerhatian Aktiviti: Olahan Ekspresi Tubuh	263
G	Jadual Pungutan Data Pemerhatian Aktiviti: Pergerakan Berirama	266
H	Jadual Pungutan Data Pemerhatian Aktiviti: Eksplorasi Pergerakan	269
I	Gambar Aktiviti Pergerakan Kreatif: Olahan Ekspresi Tubuh	272
J	Gambar Aktiviti Pergerakan Kreatif: Pergerakan Berirama	280
K	Gambar Aktiviti Pergerakan Kreatif: Eksplorasi Pergerakan	289
L	Kertas Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan pada 24-25 Julai 2009, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah bertajuk: <i>Pengaplikasian Pendidikan Tari berbentuk Pergerakan Kreatif di kalangan Pelajar Sekolah Menengah.</i>	304



SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Bahagian Pada Fasa Pertama	29
Jadual 1.2 Bahagian Pada Fasa Kedua	29
Jadual 1.3 Bahagian Pada Fasa Ketiga	30
Jadual 2.1 Model Pendidikan Tari	75
Jadual 2.2 Klasifikasi Kod Modul	96
Jadual 3.1 Senarai Aktiviti Olahan Ekspresi Tubuh	107
Jadual 3.2 Jenis-Jenis Bentuk Pergerakan Lokomotif	113
Jadual 3.3 Jenis-Jenis Bentuk Pergerakan Bukan Lokomotif	114
Jadual 3.4 Senarai Aktiviti Pergerakan Berirama	116
Jadual 3.5 Jenis-Jenis Ruang	124
Jadual 3.6 Jenis-Jenis Kualiti Pergerakan	124
Jadual 3.7 Senarai Aktiviti Eksplorasi Pergerakan	127
Jadual 4.1 Dapatan Modul Pertama: Kebebasan Pengucapan Idea dan Perasaan menerusi aktiviti: Olahan Ekspresi Tubuh	132
Jadual 4.2 Dapatan Modul Kedua: Ritma menerusi aktiviti: Pergerakan Berirama	149
Jadual 4.3 Dapatan Modul Ketiga: Daya Cipta Kreatif menerusi aktiviti: Eksplorasi Pergerakan	166
Jadual 4.4 Ulasan Berjadual Jawapan Temubual Berstruktur Soalan 2	185

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian	22
Rajah 1.2 Metodologi Kajian	23
Rajah 1.3 Reka Bentuk Kajian	26
Rajah 1.4 Proses Fasa Kajian	28
Rajah 2.1 Zon Bahagian Ekspresi Tubuh Badan	68
Rajah 2.2 Analisis Elemen Pergerakan	71
Rajah 2.3 Zon Perkembangan Proksimal	79
Rajah 5.1 Rumusan Dapatan Kajian Keseluruhan	196



SENARAI SINGKATAN

KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KBSR

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah

ZPP

Zon Perkembangan Proksimal





GLOSARI

Afektif	Melibatkan sikap dan penghargaan
<i>Bubbling</i>	Senaman vokal yang memproduksi getaran di bahagian bibir
<i>Componential</i>	Kecerdasan mengutamakan ciri analisis
<i>Contextual</i>	Kecerdasan melibatkan penyesuaian, pembentukan dan pemilihan
Domain	Aspek pemikiran
<i>Evaluation</i>	Agenda melakukan kesimpulan
<i>Evaluator</i>	Pemberi kesimpulan
<i>Experiential</i>	Kecerdasan pengalaman yang mempunyai perkaitan dengan kreativiti
<i>Hissing</i>	Senaman vokal memproduksi bunyian di bahagian mulut
<i>Humming</i>	Senaman vokal memproduksi bunyian di bahagian mulut
<i>Jazz</i>	Bentuk tari yang berasal dari kelompok budaya Afrika-Amerika, Afro-Cuba dan Haitian. Tarian ini menggabungkan Ballet dan gerak tari moden
Kemahiran motor	Berkait rapat dengan aktiviti fizikal iaitu sumber menghasilkan pergerakan
Kinestetik	Kesedaran pergerakan otot
Kognitif	Sumber melibatkan minda iaitu mendapatkan atau memberikan informasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
Metakomponen	Melibatkan proses pengawalan dan pengawasan fikiran
Pergerakan Lokomotif	Bergerak dari satu tempat ke satu tempat





Pergerakan bukan
Lokomotif

Bergerak statik (secara setempat)

Pergerakan *Pendular*

Pergerakan berhayun

Pergerakan *Perkusif*

Pergerakan yang bersifat cepat, tajam, gemalai dan agak berat

Pergerakan *Staccato*

Pergerakan yang bersifat terputus-putus

Pose

Berhenti seketika sambil menunjukkan aksi

Proksimal

Potensi keupayaan tersirat dalam fikiran

Psikomotor

Melibatkan fizikal

Ritma

Irama dirasai dan dirangsangkan melalui ekspresi gerak tubuh

Scaffolding

Perancah- Teknik bantuan pembelajaran ke arah menguasai pengetahuan

Zig zag

Pola bentuk komposisi pergerakan dibahagian lantai





PEMANTAPAN JATI DIRI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MELALUI PENDIDIKAN PERGERAKAN KREATIF

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sumbangan dan implikasi modul pergerakan kreatif yang telah dibangunkan oleh pengkaji. Sebanyak tiga buah modul mengandungi 1) kebebasan pengucapan idea dan perasaan menerusi aktiviti olahan ekspresi tubuh, 2) ritma menerusi aktiviti pergerakan berirama dan 3) daya cipta kreatif menerusi aktiviti eksplorasi pergerakan. Hasil kajian menunjukkan terdapat kelebihan dan kekurangan daripada modul tersebut yang boleh dijadikan penambahbaikan untuk mengukuhkan lagi pengisian maklumat yang dibina. Bagi pelajar yang terlibat, masing-masing dapat mengikuti aktiviti dengan memberikan kemunculan kegembiraan, keunikan potensi gerak yang sangat kreatif seterusnya memantapkan jati diri mereka. Dapatan kajian mencadangkan bahawa aktiviti pergerakan kreatif patut dibangunkan pada sistem pendidikan masa kini tidak kira dalam modul akademik mahupun ko-kurikulum bagi mewarnai daya imaginasi kreatif keintelektualan pelajar yang dinamik.





SELF ENHANCEMENT OF HIGH SCHOOL STUDENTS THROUGH CREATIVE MOVEMENT EDUCATION

ABSTRACT

This research aims to investigate the contribution and the module implications of creative movement that been developed by the researcher. A total of three modules include 1) freedom to generate ideas and emotions through expressive body development activity, 2) ability to sense pulse through a rhythmic movement activity and 3) an aptitude to create, through movements' exploration activity. Results showed that there are advantages and disadvantages of these modules that can be improved to strengthen the charging information that been built. For students who are involved in the activities does giving the appearance of happiness besides the unique potential of most creative movement while enhance their self-esteem. This research findings proposed creative movement activity should be develop in our education system in both the academic module and co-curriculum activities to generate creative minds, colourful imagination and induce students dynamic intellectual capabilities.





BAB 1

Pengenalan Kajian

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan pergerakan kreatif adalah kaedah pengajaran yang menjana potensi diri diaplikasikan melalui pergerakan. Bentuk pengajaran seperti ini menerapkan proses pengalaman imaginasi kreatif untuk meneroka pergerakan mengikut citarasa gerak yang ingin dicipta. Penguasaan terhadap pembinaan rangkaian pergerakan yang dibentuk adalah nadi dalam memberi interpretasi untuk mengatur operasi daya fikir ke satu tahap yang aktif dan dinamik. Menurut Salmah Ayob (1994) definisi pergerakan kreatif adalah seperti penjelajahan pergerakan, pendidikan pergerakan moden, pendidikan pergerakan, pergerakan pendidikan berirama dan drama kreatif. Ripple (1989) pula menyatakan potensi penggunaan proses kreatif dalam kehidupan harian adalah tidak terikat kepada sebarang disiplin. Pada masa yang sama, Torrance & Myers (1970) menegaskan matlamat dalam pendidikan adalah untuk membangunkan perkembangan sendiri menerusi proses kreatif.

Integrasi pendidikan dengan penerapan gabungan aspek fizikal dan mental menjadi wahana terbaik bagi membangunkan pengajaran ke arah peningkatan produktiviti yang cemerlang kepada pelajar. Matlamat pendidikan akan tercapai jika sistem pendidikan lebih memberi penekanan ke atas proses pembelajaran kreatif berbanding hasil pembelajaran yang spesifik (Office of Educational Research and Improvement, 1991). Oleh itu, keberkesanan ilmu pendidikan dengan reka bentuk ke





arah implementasi pengajaran pergerakan kreatif memberikan implikasi yang positif terhadap persekitaran pembelajaran dinamik kepada pelajar.

Pergerakan kreatif adalah satu bentuk yang dikenal pasti memberi peninjauan bagi mengungkapkan keinginan-keinginan pergerakan yang hendak dilepaskan. Menurut Llyod (1998) pergerakan kreatif merupakan suatu bentuk pernyataan sendiri yang unik di mana menyalurkan ekspresi diri, idea dan perasaan. Matlamatnya ialah berkomunikasi melalui pergerakan merangkumi komponen badan, ruang, masa dan daya. Ia merupakan komponen penting meliputi proses seseorang individu atau berkumpulan memilih pergerakan yang bersesuaian untuk ditampilkan. Proses pembelajaran pergerakan kreatif mengetengahkan aspek pengajaran yang tidak meletakkan penyusunan ragam tari yang diajar oleh guru seterusnya pelajar menghafal pergerakan itu. Sebaliknya dipraktikkan dengan arahan-arahan membentuk aneka ragam gerak bagi memenuhi proses perkembangan potensi diri pelajar hasil dari bimbingan tenaga pengajar.

Pembimbing atau tenaga pengajar mengatur setiap aktiviti yang dikelolakan berdasarkan arahan yang dibina. Responden akan menghasilkan naluri keinginan dengan keterampilan dimensi gaya gerak yang unik.¹ Menurut Joysce (1980) bimbingan tenaga pengajar memberikan impak terhadap emosi membina ruang bagi merencanakan idea-idea kreatif. Penggunaan tubuh badan diolah menjadi alat pembinaan gerak seterusnya digunakan untuk eksplorasi. Maka penghasilannya

¹ Aida Redza merupakan seorang koreografer terkenal di Malaysia yang sering menggunakan pergerakan kreatif sebagai sumber eksplorasi dalam persembahan tari yang diciptakan oleh beliau. Pendapat Aida Redza menyatakan bahawa pengajaran pergerakan kreatif perlu diperkukuhkan dengan bantuan tenaga pengajar menerusi arahan pelbagai seterusnya dibentuk oleh responden dengan unsur gerak mengikut rasa kebebasan sendiri. (Temubual, Februari 27, 2009).





dilihat sebagai membina rangsangan kinestetik (kesedaran pergerakan otot) sehingga membentuk rangkaian pergerakan berimaginasi. Komponen pergerakan (tubuh, ruang, masa dan daya) diaplikasikan sebagai reka bentuk asas mempraktikkan pergerakan kreatif.

Corak pembelajaran pergerakan kreatif adalah dengan mengikuti dorongan kehendak arahan seterusnya memberikan kemunculan pelbagai rasa dan pengalaman yang menjadi sumber inspirasi membina gerak.² Hal ini merupakan proses aktiviti yang dijalankan bagi mempertingkatkan keyakinan diri seseorang pelajar dari aspek fizikal dan mental. Kedua-dua aspek ini bergabung di antara satu sama lain bagi memperlihatkan keputusan hasil daripada pengaplikasian pergerakan kreatif. Oleh itu, fizikal memainkan peranan penting menggunakan tubuh sebagai tunjang utama membentuk pergerakan manakala rangsangan akal fikiran mencari idea membina



sebuah pergerakan yang diinginkan. Proses ini adalah mencari bagaimana fizikal dan mental mempunyai kaitan membantu mempertingkatkan mutu perbendaharaan gerak dalam kalangan individu yang mempraktikkan pergerakan kreatif di aktiviti lapangan.

Stinson (1988) telah mengemukakan pendapat tentang nilai pergerakan kreatif berkaitan deria kesedaran pergerakan melalui penglibatan membentuk pengalaman baru dan menyeronokkan. Kewujudannya disadari dapat membina nilai yang penting bagi mencungkil potensi dan bakat untuk dikembangkan menjadi ekspresif (Llyod, 1998). Oleh itu, pengalaman ini boleh membina suatu imaginasi

² (Aida Redza, temubual, Februari 27, 2009)





yang tinggi serta mengesan pengertian kegembiraan dalam mencipta sesebuah pergerakan.

Menurut Leopold (1963) aktiviti pergerakan kreatif memberikan penjaan positif terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Justeru, sekiranya dikembangkan dalam lapangan sesi pengajaran mahupun aktiviti riadah dan aktiviti ko-kurikulum di sekolah memberikan peluang kepada pelajar mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk diperluaskan. Hal ini menjadi alternatif mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran bercirikan kebolehan eksplorasi untuk menampilkan ekspresi berkomunikasi melalui pergerakan.

Klein (1982) menyatakan bahawa proses pembelajaran menggunakan pergerakan kreatif ini tidak bersifat statik ia memberikan kewujudan peluang kepada pelajar untuk meluahkan perasaan mereka. Menerusi aplikasi penyediaan ruang dimensi yang menarik dan unik merupakan kaedah pembelajaran merangkumi aspek penerimaan pengetahuan baru. Malahan meliputi penyaluran pengalaman ke atas situasi pengajaran yang berbeza-beza sebagai medium untuk mereka berinteraksi ke arah pemikiran yang kreatif (Mayer, 1989).

Domain psikomotor, kognitif dan afektif³ merupakan teras pembangunan pendidikan masa kini. Perkembangan ketiga-tiga domain tersebut turut sama menjadi daya pelestarian aktiviti pengajaran pergerakan kreatif (Kassing & Jay, 2003). Berlandaskan pendedahan pembentukan gaya imaginasi memberikan faedah ke arah persekitaran pembelajaran yang dinamik. Hal ini menjadi satu usaha

³ Menurut Mayer (1989) domain merujuk kepada aspek pemikiran pembangunan pendidikan menerusi psikomotor (fizikal), kognitif (minda) dan afektif (sikap dan penghargaan).





mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran yang mengetengahkan elemen membina keyakinan diri untuk diguna pakai di peringkat sekolah.

Menurut Hanson (1992) aktiviti pergerakan kreatif menggunakan domain psikomotor wajib memandangkan kurikulumnya membekalkan situasi pembelajaran yang paling banyak melibatkan pergerakan tubuh badan. Keterlibatan penggunaan anggota tubuh menjadi tumpuan terhadap proses penerokaan dimensi baru yang unik bagi seseorang individu. Manakala Wood (1990) serta Herman dan Kirschenbaum (1990) menyifatkan bahawa pergerakan kreatif menggalakkan kemahiran berfikir secara kreatif, pemahaman konsep, pembangunan emosi dan kemahiran sosial dalam kepimpinan komunikasi melalui aktiviti-aktiviti pergerakan.

Oleh yang demikian, bagi mempelbagaikan lagi bentuk-bentuk pengajaran bercirikan pembinaan keyakinan diri di peringkat sekolah maka pengkaji berhasrat melakukan kajian ini. Kajian-kajian melibatkan pergerakan kreatif sebenarnya tidak begitu meluas dijalankan dari aspek penulisan ilmiah, kajian mahupun disertasi di Malaysia berbanding di luar negara. Tinjauan pengkaji melihat bahawa penulis terawal ialah Salmah Ayob yang menulis tiga buah buku. Penerbitan buku pertama oleh Salmah Ayob merupakan terjemahan dari buku yang ditulis Llyod *Adventure in Creative Movement Activities*. Judul di dalam Bahasa Melayu *Aktiviti-Aktiviti Pergerakan Kreatif Panduan Pengajar* diterbitkan sekitar tahun 1993. Buku yang kedua oleh Salmah Ayob diterbitkan pada tahun 1994 berjudul *Pergerakan Kreatif dan Pendidikan*. Seterusnya penerbitan buku ketiga sekitar tahun 1996 yang berjudul *Strategi, Teknik dan Perancangan Pendidikan Pergerakan*.





Oleh itu, pengkaji merasakan betapa perlunya kajian ini diperluaskan bagi membuka perkembangan terhadap aplikasi pergerakan kreatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bagi mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti untuk dibangunkan di sekolah memperlihatkan potensi pelajar. Selain itu, untuk melihat pencapaian akademik yang terbaik pada mata pelajaran tertentu dengan kaedah-kaedah ke arah imaginasi kreatif. Justeru, kajian ini dibangunkan oleh pengkaji untuk melihat sejauh mana elemen pendidikan pergerakan kreatif boleh diguna pakai pada proses membina identiti pelajar yang cemerlang.

1.2 Pernyataan Masalah

Pendidikan pergerakan kreatif merupakan sumber sokongan alternatif terhadap kaedah pengajaran bagi membina potensi diri pelajar. Pendedahan pengajaran yang berbentuk imaginasi kreatif melalui pengalaman adalah modul terbaik membina interpretasi pada proses pembelajaran pergerakan (Wolfe, 1975). Apabila membentuk aktiviti pengajaran pergerakan, kaedah yang digunakan adalah memperlihatkan dasar keterlatihan yang pelbagai supaya pelajar tidak hanya menerima pembelajaran itu sebulatnya tetapi mengikut dan menilai dengan pemikiran yang kreatif (Fleming, 1976).

Kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pengajaran pendidikan pergerakan kreatif dapat memberikan pementapan jati diri yang berkaitan dengan pembinaan potensi, keterampilan dan keyakinan diri. Pengisian yang terkandung bagi menjayakan aktiviti ini mengandungi elemen seperti memberikan kecergasan terhadap fizikal dan mental. Aktiviti yang menjurus kepada berkomunikasi





menggunakan tubuh menjanjikan laluan bagi pelajar bergiat aktif mengaplikasikan pancaindera dengan cabaran-cabaran untuk mencipta sesuatu yang unik.

Situasi sistem pendidikan di sekolah pada masa kini banyak memberikan fokus utama pada pembelajaran teras dan elektif semata-mata. Menurut Ramakrishnan (1998) terdapat kekurangan menyediakan peluang-peluang kebebasan untuk pelajar melahirkan ekspresi secara kreatif dan aktif di sekolah. Pernyataan ini disokong menerusi pengalaman pengkaji mengajar tarian dan senamrobik di beberapa buah sekolah menengah di sekitar negeri Selangor dan Perak. Pengkaji meletakkan sedikit elemen-elemen pergerakan kreatif pada sesi latihan. Jelas, telah menunjukkan bahawa perasaan bebas untuk membina keyakinan diri dan berseronok dapat diterbitkan dalam menjayakan aktiviti yang dikendalikan.



Oleh itu, keterbatasan terhadap penyediaan ruang perlepasan emosi dan daya imaginasi amat kurang ditekankan di sekolah.⁴ Penumpuan mata pelajaran hanya terarah kepada kaedah pembacaan, penghafalan, penyelesaian secara rutin.⁵ Hakikat ini perlu disedari bahawa salah satu objektif pencapaian sistem pendidikan mengeluarkan seorang pelajar yang kreatif dan kritis (Hazril et al., 2004). Polisi pendidikan terhadap sukatan pelajaran seperti KBSR⁶ dan KBSM⁷ mempunyai dua kriteria utama: Pertama, mendidik pelajar boleh berfikir dan kedua, pelajar bersifat kreatif (Ramakrishnan, 1998). Persoalannya di sini ialah adakah penerapannya dapat

⁴ Sharifah Aini seorang guru kebudayaan di SMKKJ Tg. Malim, Perak menyatakan bahawa proses pengajaran di sekolah yang banyak terarah pada proses akademik semata-mata menyebabkan peluang pelajar menjana idea kreatif diri agak terbatas ruang aplikasinya. (Temubual, Jun 5, 2009).

⁵ (Sharifah Aini, temubual, Jun 5, 2009)

⁶ KBSR: Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

⁷ KBSM: Kurikulum Baru Sekolah Menengah.





dilaksanakan secara keseluruhan?. Menurut Ramakrishnan (1998) dan Salmah Ayob (1994) menyediakan peluang-peluang pendidikan ke arah yang kreatif dengan meletakkan pergerakan kreatif sebagai modul tambahan pengajaran adalah alternatif berguna terhadap implikasi pengajaran. Ia bagi menyediakan pelajar bebas untuk eksplorasi dan membina keyakinan diri bersama rakan-rakan di sekolah.

Kajian pergerakan kreatif di peringkat sekolah menengah masih kurang mendapat perhatian. Berkemungkinan pendedahan ilmu ini sangat terbatas untuk dipelajari atau diminati sehingga sukar dimajukan sebagai keperluan ko-kurikulum mahupun aktiviti riadah di sekolah. Alasan seperti kekurangan modul-modul sokongan dan sumber rujukan adalah kesukaran untuk diajar kepada pelajar.⁸ Hal ini perlu dititikberatkan menjadi kepentingan pembangunan bagi memenuhi tuntutan merangsang pembelajaran berkesan ke arah kepelbagaian sumber pengajaran membentuk potensi diri pelajar.



Menerusi kajian ini, pengkaji menyediakan peluang-peluang bagi pelajar untuk berinteraksi menggunakan aktiviti pergerakan kreatif. Responden merupakan pelajar sekolah menengah yang tinggal di asrama berusia dalam lingkungan (13 hingga 14 tahun). Tuntutan rasa keinginan membuat sesuatu yang baru, mengolah, mencuba, mencari apa-apa yang difikirkan boleh melepaskan perasaan menjadi keperluan dalam diri mereka. Menurut Salmah Ayob (1994) pada tahap tersebut terdapat perubahan-perubahan yang pesat pada fizikal dan mental serta kesedaran sosial dan emosi menjadi proses utama dalam kalangan pelajar ini yang

⁸ Zuraidah Mohd Amin guru kebudayaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor berpendapat kekurangan mendapatkan sumber aktiviti berkaitan pergerakan kreatif untuk diajar di sekolah menyebabkan aktiviti seperti ini tidak dapat dikendalikan. (Temubual, Jun 10, 200)





dikategorikan sebagai golongan remaja. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat bagaimana aplikasi kaedah pengajaran pergerakan kreatif dapat digunakan oleh pelajar terbabit. Selain itu, adakah pelaksanaan aktiviti yang dibina oleh pengkaji dapat memberikan perlepasan ruang untuk meningkatkan keyakinan dalam diri mereka.

Kajian ini menampilkan implikasi terhadap mempelbagaikan bentuk-bentuk kaedah pengajaran di sekolah menggunakan aplikasi pendidikan pergerakan kreatif. Kaedah yang dapat dilihat di antaranya ialah membekalkan pelajar pada proses pembelajaran yang baru. Komponen aneka ragam gerak yang dicipta adalah laluan membantu meningkatkan kecergasan fizikal dan mental. Selain itu, kesedaran tuntutan rangsangan aktif tubuh badan yang dijanakan menjadi landasan berguna yang perlu dimiliki bagi setiap orang pelajar.



Jelas, kajian ini amat penting untuk melihat sejauh mana pengaplikasiannya ditadbirkan oleh pengkaji. Walaupun kajian ini mempunyai objektif pencapaian tertentu namun penyediaan ruang untuk berekspresi adalah nadi kepada proses kajian ini dijalankan. Ia bagi memenuhi perlepasan perasaan pelajar untuk menjana rangsangan positif terhadap pemikiran kesan daripada mengikuti aktiviti yang dijalankan. Kajian ini turut memberikan pengetahuan baru sebagai alternatif membina modul mengetengahkan aspek pemantapan jati diri menerusi pergerakan kreatif untuk dibangunkan pada peringkat pendidikan di sekolah-sekolah.





1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana aplikasi pendidikan pergerakan kreatif dapat memberikan pemantapan jati diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini merujuk tumpuan memberikan pendekatan pembelajaran bagi membantu pengukuhan terhadap rangsangan daya imaginasi dan keyakinan diri bagi responden kajian yang terlibat. Berikut merupakan huraian terperinci objektif kajian:

- 1) Mengetahui pasti sumbangan dan implikasi modul pemantapan jati diri menerusi ciri-ciri berikut:
 - a) Kebebasan pengucapan idea dan perasaan
 - b) Ritma
 - c) Daya cipta kreatif.
- 2) Mengetahui pasti sumbangan dan implikasi modul yang menggabungkan aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif:
 - a) Olahan ekspresi tubuh,
 - b) Pergerakan berirama
 - c) Eksplorasi pergerakan
- 3) Melihat sambutan pelajar menyertai aktiviti pergerakan kreatif dari aspek kegembiraan dan kecergasan.
- 4) Mengetahui pasti pembinaan terhadap pembangunan psikomotor, kognitif dan afektif kepada pelajar-pelajar tersebut.



1.4 Hipotesis

Kepentingan mewujudkan pendekatan menggunakan aplikasi pengajaran berunsurkan pergerakan kreatif menjadi pemangkin dalam mencapai agenda melahirkan seorang pelajar yang dinamik. Proses pendidikan melibatkan penggunaan fizikal dan mental merupakan teras pembangunan psikomotor, kognitif dan afektif adalah tumpuan utama pada sistem pendidikan masa kini. Perkembangannya menjadi nadi proses pembelajaran berlandaskan menjana daya cipta imaginasi kreatif untuk dimanfaatkan sebagai pengukuhan bagi melahirkan seorang pelajar yang berketerampilan. Oleh itu, menerusi aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif, berkemungkinan memberikan kesan terhadap pemantapan jati diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pengkaji ingin melihat sejauh mana hipotesis ini memberikan keyakinan menerusi kajian yang dijalankan.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini memberikan penyusunan penyediaan kepada pelajar terhadap aktiviti tinjauan, meneroka, mengeksplorasi pergerakan yang terbina melalui imaginasi yang kreatif. Kaedah yang bersesuaian dibina bagi pelajar dapat menghayati dan ekspresi aktiviti pergerakan kreatif dengan lebih bermakna lagi. Kepentingannya boleh membantu pelajar dalam mendalami proses membina sebuah pergerakan yang menarik dengan aktiviti-aktiviti yang pelbagai supaya pelajar memahami konsep pergerakan yang lebih efisien, kreatif dan aktif.

Dorongan pelajar membuat sesuatu perkara itu jika diarahkan kepada suatu bentuk aktiviti yang mencabar menggunakan pergerakan kreatif memberikan



perlambangan kemunculan bakat mereka. Seterusnya didedahkan dengan proses pembelajaran yang dapat menjana imaginasi kreatif dengan pelestarian ke arah membangunkan pelajar yang aktif dan dinamik. Pergerakan kreatif adalah alternatif yang bukan sahaja dapat meningkatkan kecergasan tubuh badan tetapi menjadi laluan ke arah memberikan bimbingan untuk memperkukuhkan emosi, mental dan fisiologi pelajar. Ruang untuk pelajar menghabiskan masa dengan aktiviti seumpama ini adalah salah satu alternatif mengelak dari terjebak kegiatan yang tidak bermoral. Hal ini menjadi faktor untuk pelajar menggunakan masa yang terluang dengan aktiviti yang berkualiti. Selain itu, membantu pencapaian lapangan akademik dalam usaha mengangkat kapasiti mental pelajar untuk menjadi lebih proaktif.

Selain itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan. Antara kepentingan kajian terhadap golongan sasaran pengkaji adalah: Pelajar ko-kurikulum seni tari, (Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah). Pergerakan kreatif merupakan satu kaedah yang boleh membina satu pengukuhan terhadap pemikiran dinamik melalui eksplorasi gerak yang bebas tanpa terikat pada mana-mana penyusunan gerak yang kompleks.

Hasil kajian ini dapat memberikan pengisian berguna terhadap pendekatan yang bersesuaian menerusi pengajaran ko-kurikulum tari di sekolah. Kebanyakan pelajar-pelajar yang mempunyai minat dalam bidang tari dan memasuki kumpulan tari adalah untuk mengasah bakat atau sebagai aktiviti lapangan. Hal ini menjadi satu permasalahan sekiranya pengisian yang dikendalikan dalam sesebuah kumpulan itu hanya menghafal ragam tari seterusnya membuat persembahan. Pendekatan seumpama ini tidak memberi impak yang berguna kepada pelajar. Melalui kaedah





pengajaran pergerakan kreatif dapat mempelbagaikan lagi aktiviti dalam sesebuah kumpulan tari seterusnya dapat mencungkil pengisian yang baru pada setiap ahli yang menganggotai kumpulan tari tersebut.

Maklumat yang diperolehi boleh digunakan oleh guru kebudayaan, artis budaya/jurulatih unit kebudayaan sebagai pengisian bagi mengendalikan aktiviti tari di dalam kelas. Hasil kajian dapat membantu menggunakan kaedah yang berkesan untuk mengajar tari kepada pelajar. Tenaga pengajar berfungsi memantau seterusnya menggariskan penyusunan aktiviti yang bersesuaian dalam mengendalikan suasana pembelajaran tari bagi memperlihatkan perkembangan positif terhadap pelajar yang dikelolakan. Kaedah pengajaran aktiviti pergerakan kreatif yang lebih tersusun dan efisien dapat membentuk kefahaman dan kesedaran terhadap kemahiran bergerak dengan lebih baik dan berkualiti. Terdapat bab-bab yang terkandung di dalam kajian boleh dikembangkan dengan meletakkan isu-isu yang bersesuaian pada skop kajian dari aspek pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosial.⁹



Penulisan ini merupakan cadangan alternatif mempelbagaikan kaedah pengajaran ke arah memupuk bakat, kepuasan dan kemahiran kreatif. Oleh itu, merencanakan penulisan secara ilmiah menerusi beberapa bentuk bahan rujukan seperti jurnal, artikel mahupun kertas kerja adalah cadangan yang baik untuk diperluaskan penerbitannya. Bahan ini menjadi sumber sokongan yang dapat digunakan di tadika, sekolah, institusi, universiti dan individu menjadikan

⁹ Sebahagian daripada bab kajian ini telah diterbitkan dalam *Isu-Isu Sastera dan Budaya: Kertas Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan* pada 24-25 Julai 2009, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah. Tajuk pembentangan ialah *Pengaplikasian Pendidikan Tari berbentuk Pergerakan Kreatif di kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. (Sila rujuk Lampiran L)





pergerakan kreatif sebagai modul pendidikan sokongan terhadap pembentukan jati diri kepada pelajar.

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini menggunakan pergerakan kreatif sebagai medium pemantapan jati diri kepada pelajar. Kaedah pengajaran pergerakan kreatif ditadbir oleh pengkaji berdasarkan perolehan sumber informasi daripada beberapa bantuan kajian dan bahan rujukan mengenai pergerakan kreatif yang diolah mengikut kesesuaian. Perlaksanaan kajian dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan keputusan daripada kefahaman dan pemerhatian responden yang terlibat dalam aktiviti pergerakan kreatif yang dijalankan.



Kajian ini mengandungi beberapa konsep dan pendekatan teoritikal yang diaplikasikan. Konsep pertama ialah implementasi pergerakan kreatif dan pendidikan pergerakan kreatif. Manakala dari aspek pendekatan teoritikal menggunakan teori identiti diri dan teori Vygotsky's (1962). Seterusnya pendekatan Model Pendidikan Tari Smith (1994). Perlanjutan mengenai konsep, teoritikal dan model turut dibincangkan dalam Bab 2.

Pergerakan kreatif ditakrifkan sebagai proses berkomunikasi melalui pergerakan dengan hasrat penyaluran untuk melepaskan rasa, keinginan sesuatu seterusnya menerbitkan keseronokan dengan pencapaian imaginasi untuk mencipta sesuatu yang dapat merangsang fizikal dan mental (Salmah Ayob, 1994). Rangkaian sistem pendidikan ini adalah salah satu cabang bagi proses pembangunan





peningkatan kepada pelajar dengan cabaran-cabaran serta idea membolehkan mereka puas menyertai aktiviti yang dijalankan. Sifat pergerakan kreatif bertindak sebagai laluan bukan sahaja memberikan kecergasan tetapi menyemai apresiasi keindahan seni dan memperlengkapkan pembentukan sifat peribadi pada tahap nilai potensi diri yang tinggi.

Pendidikan pergerakan kreatif pula ditakrifkan sebagai proses pengajaran berlandaskan kepada objektif memberikan rangsangan untuk pembangunan psikomotor, kognitif dan afektif pelajar (Kassing & Jay, 2003). Sifat pendidikan lebih terarah kepada mencorak potensi keterlatihan untuk menjana daya cipta kreatif pelajar dengan susunan aktiviti bersifat mencari keseronokan, kepuasan, kekuatan fizikal dalam memberikan pengisian interpretasi dengan rangsangan yang hadir pada diri. Elemen penting dalam pergerakan kreatif merangkumi tubuh, ruang, masa dan daya menjadi nadi penggerak bagi pelajar membina keinginan-keinginan yang ingin dicipta dalam modul pendidikan dengan bermatlamat menjana idea kreatif pada pelajar.

Konsep teoritikal digunakan menggunakan dua ciri-ciri berikut (1) kebebasan pengucapan idea dan perasaan dan (2) ritma (Salmah Ayob, 1994). Manakala ciri ketiga dibina oleh pengkaji daya cipta kreatif dengan menyokong pernyataan Llyod (1998) menyatakan bahawa medium ke arah memberikan kebebasan dengan kegembiraan dirasai melalui pergerakan memberikan impak rangsangan imaginasi kreatif yang aktif. Hal ini mewujudkan proses menjana pemikiran dan keyakinan diri yang tinggi.





Menerusi ciri ini pengkaji meletakkan aktiviti yang dipanggil olahan ekspresi tubuh dirangka dengan aktiviti berlandaskan kepada pengukuhan tubuh untuk berkomunikasi dalam merealisasikan pergerakan (Stinson, 1982). Aktiviti membawa kepada proses eksplorasi pelbagai gaya dan variasi mewujudkan satu jalinan kepuasan untuk mengenali irama dan lagu serta rentak-rentak yang boleh dijadikan sebagai sumber ekspresi secara sihat. Ciri ini diletakkan pada aktiviti pergerakan berirama bagi membolehkan pelajar merasai kenikmatan lagu-lagu atau bunyian-bunyian dengan pergerakan lokomotif dan bukan lokomotif dijadikan sebagai alat untuk bermain dan mencapai tahap kepuasan peribadi (Fowler, 1981).

Pengkaji turut menggunakan pernyataan Fleming (1976) menyatakan bahawa rangsangan perkembangan fizikal dan mental digabungkan dengan penerokaan untuk mencipta, eksplorasi dan kebolehan menaakul merupakan sebahagian daripada proses pembangunan daya cipta kreatif. Ia merupakan ciri ketiga yang diletakkan dalam kajian ini. Pembinaan aktiviti yang dibina menerusi ciri ini ialah eksplorasi pergerakan di mana menjadi tunjang kepada pelajar mencari kualiti kreatif yang hadir dalam diri untuk digabungkan seterusnya membina penemuan-penemuan baru menggunakan sebuah objek untuk diterokai dengan percubaan-percubaan bagi mengangkat potensi diri untuk dikembangkan.

Kajian ini turut mengetengahkan aspek pembelajaran sebagai bentuk kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini. Teori Vygotsky's (1962) merupakan teori perkembangan kognitif yang sangat mempengaruhi dalam aspek penekanan rangka kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah perancah (*scaffolding*) di





mana pengkaji sebagai partisipasi (guru) yang menyediakan arahan aktiviti pergerakan kreatif.

Pengkaji menyediakan pelbagai latihan serta memberikan idea-idea bagi menjalankan aktiviti. Langkah perlaksanaan seterusnya ialah pelajar-pelajar terbabit perlu membuat apa yang diarahkan mengikut potensi mereka. Justeru, analisis dibuat setelah selesai pengajaran dan sesi latihan dijalankan bagi melihat bukan sahaja potensi kreatif malahan perkembangan kognitif pelajar.

Kaedah (*scaffolding*) sangat berguna dalam kajian ini di mana satu cara penyediaan kaedah pengajaran bantuan menyelesaikan masalah kepada pelajar. Tinjauan oleh Tappan (1998) menerusi teori Vygotsky's (1962) ialah (1) kemahiran kognitif dapat difahami hanya ketika mereka dapat membuat analisis dan penginterpretasian sesuatu perkara, (2) kemahiran kognitif bertindak oleh kata-kata, bahasa dan bentuk wacana, yang berfungsi sebagai alat psikologi untuk memudahkan dan menukar aktiviti mental dan (3) kemahiran kognitif mempunyai asal-usul mereka dalam hubungan sosial yang tertanam dalam latar belakang sosial budaya. Hal ini sangat penting kerana perkembangan intelek dari aspek luaran dan dalaman melalui internalisasi penerimaan ilmu pelbagai konteks yang sangat berguna pada pembangunan pelajar mengikuti aktiviti yang dikendalikan.

Teori jati diri turut digunakan di dalam kajian ini yang membawa kepada matlamat kajian ini dibina. Faktor-faktor penting bagi memperihalkan jati diri yang telah dibina oleh pengkaji lepas melihat dari aspek manusia dalam membangunkan identiti diri. Konsep jati diri yang diketengahkan oleh Hume (1975) merangkumi





martabat manusia sebagai manusia yang utuh serta mempunyai pengertian cara hidup tersendiri. Dewey (1962) menyifatkan sebagai sebuah identiti sendiri dari aspek cara berfikir, cara merasai, sikap, perkembangan dalam pergaulan, peranan yang dimainkan dan lingkungan sosialnya yang tersendiri. Leahy (1965) membicarakan hal yang sama oleh Hume (1975) di mana pengertian tentang identiti individu yang merangkumi aspek martabat seseorang manusia menjadi pemangkin pembinaan jati diri.

Edith (1982) telah mengembangkan hujahan Plato menyatakan jiwa bersatu dengan tubuh badan menjadi pemusatan terpisah dalam ciri individu yang mempunyai suatu rangsangan rasa bagi merasai kenikmatan hidup. Aspek ini merangkumi bahagian jiwa bersatu dengan tubuh badan menjadikan teras terhadap pembinaan jati diri secara peribadi (Hardono, 1966). Kesatuan manusia dan jiwa yang berperanan mewujudkan identiti diri.

Fungsi terhadap pembangunan identiti diri adalah membawa ke arah perkembangan sahsiah diri untuk dimartabatkan melalui kesatuan jiwa manusia yang utuh. Pembangunan ini menjadi unsur penting pemangkin terhadap pembinaan kemahiran diri mengikut cita-cita yang hendak dibangunkan. Hal tersebut melihat sejauh mana landasan yang bersesuaian bagi membina martabat individu untuk berinteraksi pada sekitarnya. Kemampuan diri menjadi nadi mewujudkan kehendak bagi membina keperibadian yang sempurna. Arah terhadap mencapai identiti diri yang sempurna apabila pengalaman dan pengamatan dapat dirasai bagi memberikan kematangan pada diri individu itu sendiri





Pendapat yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tersebut menunjukkan betapa pentingnya program melestarikan integrasi pengajaran ke arah membina jati diri. Gilbert (1992) mendapati bahawa sokongan penting membangunkan potensi diri pelajar adalah dengan memberikan mereka kebebasan untuk berfikir. Pergerakan kreatif merupakan contoh aktiviti yang berlandaskan ke arah membangunkan potensi diri untuk dikembangkan ke arah peningkatan kemahiran pelbagai (Herman & Kirschenbaum, 1990). Hal ini dilihat dari aspek kesedaran untuk pembangunan keterampilan pelajar bagi menampilkan idea-idea kreatif dengan dasar-dasar gerak yang difikirkan unik untuk dipersembahkan. Modul-modul pendidikan seumpama ini menjadi faktor penting terhadap proses pembinaan pengajaran di sekolah bagi memberikan kepuasan untuk pelajar membina personaliti diri melalui pergerakan (Kassing & Jay, 2003).



Pendekatan model pendidikan tari merupakan sebahagian daripada proses yang dikehendaki dalam kajian ini memperlihatkan keperluan penghasilan pendidikan pergerakan kreatif dilaksanakan di sekolah. Model pendidikan ini mengetengahkan aspek pengisian kaedah pengajaran dan pembelajaran tari merupakan sebahagian daripada aktiviti pergerakan kreatif mencapai satu objektif menerusi pendekatan yang pelbagai.

Melalui pandangan lain, pembangunan melalui aktiviti pengajaran seperti ini merencanakan keperluan berguna kepada pelajar bagi mengangkat mereka membina keyakinan diri. Aktiviti tari dan pergerakan kreatif yang saling berkaitan di antara satu sama lain merupakan proses membina pengalaman untuk berinterpretasi dalam imaginasi yang tinggi dan membolehkan kewujudan keyakinan diri terbina.





Pelestarian agenda pendidikan berteraskan tari mahupun pergerakan kreatif diperihalkan sebagai komponen untuk memberi pengisian berguna supaya pelajar boleh berfikir, membuat, mencuba sesuatu, merasai cabaran, menyelesaikannya diaplikasi dalam bentuk pergerakan.

Komponen pendidikan seumpama ini dapat memberikan pengukuhan terhadap apresiasi seni serta memberikan impak terhadap perlaksanaannya menerusi kepentingan pengisian yang berguna seperti nilai artistik, estetika dan pendidikan kebudayaan yang berguna pada proses pengajaran. Selain itu, model pendidikan ini dapat membangunkan organisasi maklumat serta langkah yang perlu disusun untuk membuat kajian ini.

Kesimpulannya, kerangka konsep kajian (rujuk Rajah 1.1) yang dibincangkan adalah sejauh mana pendidikan pergerakan kreatif dapat membina jati diri seorang pelajar. Terdapat tiga modul menggunakan pergerakan kreatif sebagai memperkukuhkan proses-proses yang dapat dikenal pasti fokus bagi mendapatkan maklumat kajian. Seterusnya terdapat tiga jenis aktiviti yang dibangunkan oleh pengkaji menggunakan responden pelajar sekolah menengah sebagai memberikan ruang untuk mereka menginterpretasikan bersama aktiviti yang dikendalikan oleh pengkaji.


Kaedah perancah (*scaffolding*) adalah fokus aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai implementasi kepada pelajar sesi aktiviti yang memberi tumpuan menyediakan bantuan ke arah proses aktiviti yang dilaksanakan. Hal ini adalah untuk mendapat pencapaian positif dari aspek pembangunan teori-teori yang






diguna pakai dalam kajian ini. Proses-proses aktiviti yang diikuti oleh pelajar terbabit turut disertai bersama pengkaji dijadikan pemerhatian untuk dianalisis secara keseluruhan. Oleh itu, berikut dikemukakan beberapa konsep dan teoritikal dirangka oleh pengkaji bagi memenuhi organisasi maklumat yang ditadbirkan.





Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian

1.7 Metodologi Kajian



Rajah 1.2 Metodologi Kajian

Metodologi kajian (rujuk Rajah 1.2) adalah aplikasi yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan bahan atau maklumat kajian. Antara kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji adalah melalui rujukan primer dan rujukan sekunder. Sumber rujukan primer dilakukan menerusi pemerhatian, partisipasi dan temubual dengan responden yang berkaitan. Temubual yang dikendalikan adalah menggunakan pelajar-pelajar yang mengikuti aktiviti pergerakan kreatif, guru-guru yang mengajar aktiviti kebudayaan di sekolah dan pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang pergerakan kreatif. Namun begitu, dari aspek pemerhatian



dan partisipasi terdapat beberapa prosedur yang telah dirancang oleh pengkaji mengikut penyusunan tertentu diuraikan satu persatu di dalam bab ini. Informasi tersebut merupakan perkara penting diperolehi bagi menjadi kupasan untuk mengetahui kehendak kajian yang ditadbirkan.

Melalui sumber rujukan sekunder, pengkaji menggunakan buku-buku yang berkaitan dengan lapangan kajian dan sumber atas talian (internet). Koleksi seperti buku, tesis, jurnal dan makalah yang diperolehi adalah dari perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sains Malaysia mengandungi bahan-bahan terbitan dari dalam dan luar negara. Hal ini memudahkan pengkaji untuk memperolehi banyak maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah ujian rintis untuk melihat sejauh mana modul yang dibangunkan dapat mencapai matlamat kajian yang direncanakan. Ujian rintis adalah merujuk kepada modul-modul yang mempunyai ciri-ciri berikut (1) kebebasan pengucapan idea dan perasaan, (2) ritma dan (3) daya cipta kreatif. Setiap modul ini mempunyai tiga jenis aktiviti pergerakan kreatif. Hal ini adalah untuk memperlihatkan implikasi di akhir kajian iaitu sejauh mana ia dapat memberi kesan pementapan jati diri oleh responden yang terlibat.

Terdapat penyusunan reka bentuk kajian yang dibina oleh pengkaji merangkumi; prosedur menjalankan kajian, prosedur reka bentuk kajian, prosedur pemilihan sampel, prosedur pengumpulan data, prosedur partisipasi dan pemerhatian, tatacara pemerolehan data, tatacara penilaian kajian dan penganalisisan data. Creswell (1994) mengenal pasti bahawa tujuan utama yang menjadi asas





menghasilkan reka bentuk kajian ialah mendapatkan jawapan untuk setiap persoalan kajian. Kajian ini akan dijalankan mengikut pendekatan kualitatif, pengkaji menjalankan partisipasi seterusnya melakukan pemerhatian pada aktiviti yang dikelolakan.


Yin (1994) mengemukakan berkenaan kualiti serta karektor dalam penulisan beliau terhadap falsafah dan praktikal adalah asas kajian yang memerlukan pengkaji turut serta sebagai peserta menerusi sesebuah lapangan kajian. Melalui kajian ini, pengkaji bergiat aktif di dalam kajian yang dijalankan di mana berfungsi sebagai guru yang memberi tunjuk ajar kepada pelajarannya.

Selain itu, pengkaji bertanggungjawab menjadi peserta, pemberi kesimpulan (*evaluator*) dalam kajian lapangan ini. Proses (*evaluation*) dijadikan sebagai agenda terakhir dalam melakukan aktiviti ini di mana pengkaji mahu melihat pengalaman yang hadir menerusi eksplorasi aktiviti pergerakan kreatif. Terdapat dua bahagian dalam menjalankan proses kajian ini di mana bahagian pertama partisipasi, pengkaji memberikan pengajaran secara teori dan praktikal. Seterusnya pengkaji memberikan aktiviti pergerakan untuk disertai oleh kumpulan pelajar terbabit. Bahagian kedua dijalankan apabila selesai kesemua sesi pengajaran maka pemerhatian dilakukan di mana mengenal pasti keberkesanan modul aktiviti pergerakan kreatif yang dikendalikan.

Reka bentuk ini dipilih kerana membolehkan pengkaji mengetahui hasil setelah pelajar mengikuti aktiviti pergerakan kreatif selama enam bulan. Terdapat beberapa fasa yang dibina melalui prosedur menjalankan kajian. Fasa ini adalah



kerangka untuk membolehkan pengkaji membuat penyusunan kerja dalam menjalankan aktiviti kajian.



Rajah 1.3 Reka Bentuk Kajian




1.7.1 Prosedur Menjalankan Kajian

Terdapat tiga fasa dalam melakukan prosedur kajian yang dijalankan dengan merujuk Jadual 1.2 **Fasa Pertama** (Proses pengajaran teori dan praktikal selama 8 minggu). Sesi memperkenalkan aktiviti pergerakan kreatif dalam kalangan pelajar. Pada masa ini, pengkaji mengajar pengertian pergerakan kreatif, kaedah implementasi serta mendemonstrasikan pergerakan kreatif. Pengkaji menyertai aktiviti di dalam kelas di mana menggunakan aktiviti pergerakan kreatif untuk diaplikasikan kepada pelajar dengan mengikuti keperluan yang diperlukan dalam proses yang ditadbirkan.

Fasa Kedua (Proses pengukuhan pergerakan kreatif selama 13 minggu). Sesi ini adalah memperlihatkan aktiviti pengukuhan pergerakan kreatif. Pengkaji membuat pelbagai aktiviti yang dapat memberikan kemahiran pergerakan kreatif kepada pelajar agar sehati dengan keperluan pergerakan yang ingin dicapai dalam proses pemerhatian.

Fasa Ketiga (Pemerhatian dan temubual berstruktur – Tempoh sesi selama 1 minggu). Pengkaji membuat pemerhatian berdasarkan aktiviti yang dijalankan mengikut kriteria yang dibina dan mengedarkan 17 borang temubual berstruktur kepada pelajar. Seterusnya membuat analisis daripada dapatan secara menyeluruh menerusi aktiviti pengaplikasian pergerakan kreatif. Berdasarkan dapatan yang pelajar perolehi menerusi kemahiran dan kefahaman, tinjauan terhadap sumbangan dan implikasi pembangunan modul menerusi pengajaran pergerakan kreatif dapat dilihat.





Rajah 1.4 Proses Fasa Kajian

Menerusi aktiviti yang dijalankan di sekolah, perjumpaan bersama pengkaji sebanyak dua kali seminggu bersamaan 22 sesi sejumlah enam bulan. Masa perjumpaan ialah pada hari Isnin dan Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Pengkaji menggunakan tiga komponen pergerakan kreatif yang dibina 1) olahan ekspresi tubuh 2) pergerakan berirama dan 3) eksplorasi pergerakan. Aktiviti yang sebelum ini dijadikan sebagai aktiviti tarian, bersukan dan senamrobik ditukar kepada aktiviti yang berteraskan pergerakan kreatif.



Jadual 1.1 Bahagian pada fasa pertama

Teori (Pergerakan Kreatif)	Praktikal (Aktiviti Tinjauan Pergerakan)
30 minit	30 minit
Bahagian 1	Bahagian 2

Jadual 1.1 merupakan bahagian fasa pertama merujuk kepada beberapa bahagian yang perlu diikuti oleh pelajar pada setiap sesi perjumpaan berlangsung selama satu jam pada peringkat permulaan. Jangka masa satu jam diperuntukkan bagi memberikan pendedahan asas membantu pelajar memahami teori ringkas mengenai pendidikan pergerakan kreatif. Manakala pada bahagian kedua praktikal di mana aktiviti asas pergerakan kreatif dijalankan. Aktiviti asas merujuk kepada sesi pengenalan pengajaran merangkumi elemen pergerakan kreatif serta penggunaannya. Pengkaji juga bertindak sebagai guru yang mengajar pergerakan kreatif kepada pelajar.

Jadual 1.2 Bahagian pada fasa kedua.

Aktiviti tinjauan pergerakan	<u>Aktiviti Pergerakan</u>	Kongsi rasa
15 minit	1) Olahan Ekspresi Tubuh 2) Pergerakan berirama 3) Eksplorasi Pergerakan	15 minit
Bahagian 1	Bahagian 2	Bahagian 3

Sumber: Llyod, 1998





Jadual 1.2 merupakan bahagian fasa kedua, merujuk kepada proses pengukuhan pergerakan kreatif dijalankan dalam jangka masa perjumpaan yang sama seperti bahagian pada fasa pertama selama satu jam. Pada bahagian ini, ia merangkumi proses pergerakan kreatif yang dibina oleh pengkaji bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang pengalaman pergerakan untuk diaplikasikan. Terdapat tiga bahagian yang dibina mengikut proses tertentu. Bahagian pertama: Aktiviti tinjauan pergerakan di mana olahan mengingati semula apa yang dipelajari selama 15 minit. Bahagian kedua: Aktiviti olahan ekspresi tubuh, pergerakan berirama dan eksplorasi pergerakan. Pada bahagian ini, jangka masa yang diperuntukkan ialah 40 minit. Manakala bahagian terakhir, ketiga: Aktiviti kongsi rasa seperti luahan perasaan tidak kira apa sahaja seperti keseronokan, kesedihan dan sebagainya dijalankan selama 15 minit.



PEMERHATIAN (berdasarkan rakaman video yang dijalankan)	
Aktiviti Pergerakan 1) Olahan Ekspresi Tubuh 2) Pergerakan berirama 3) Eksplorasi Pergerakan	Kongsi rasa
40 minit (bagi setiap sesi aktiviti)	15 minit
Bahagian 1	Bahagian 2

Setelah selesai mengikuti dua bahagian pada fasa tersebut, seterusnya Jadual 1.3 menunjukkan bahagian pada fasa ketiga pemerhatian. Oleh sebab aktiviti ini turut sama disertai oleh pengkaji maka terdapat proses rakaman diadakan bagi memudahkan proses pemerhatian dilakukan oleh pengkaji. Terdapat dua orang yang





membantu proses rakaman, juruvideo dan jurufoto bagi mengambil video dan foto kesemua aktiviti yang dikelolakan selama 2 hari, Isnin dan Khamis. Selesai sesi rakaman, tempoh proses suntingan dibuat selama 3 hari, setelah itu pengkaji baru dapat membuat pemerhatian dengan menonton semula seterusnya membuat pungutan data berdasarkan rakaman yang dibuat.

1.7.2 Prosedur Pemilihan Sampel

Pengkaji tidak meletakkan satu piawaian bagi memilih sampel yang dikhendaki. Apa yang dilakukan ialah, pengkaji memohon kerjasama daripada guru sekolah tersebut seterusnya menerangkan hajat perlaksanaan kajian. Pengkaji menerangkan keperluan sejumlah pelajar untuk mengikuti aktiviti pergerakan kreatif. Setelah guru tersebut berbincang dengan pihak sekolah, persetujuan dengan memberikan seramai 17 orang pelajar.

Sejumlah 17 orang pelajar perempuan yang tinggal di asrama, 8 orang daripada pelajar tingkatan 1 dan 9 orang pelajar dari tingkatan 2. Mereka dipilih melalui persampelan varisasi maksimum di mana pengkaji mencuba untuk memahami fenomena dengan menemui individu-individu tertentu (Lincoln & Guba, 1985; Taylor & Bogdan, 1984). Untuk kajian ini, fenomena kajian yang dialami oleh pengkaji, apabila guru di sekolah terbabit memberikan sampel pelajar yang mempunyai masalah seperti tidak yakin pada diri sendiri, mempunyai sifat pemalu dan kesukaran untuk mengembangkan potensi diri.





Keseluruhan sampel kajian yang diperolehi masing-masing mempunyai masalah dari aspek perkembangan sahsiah diri. Kekurangan yang jelas kelihatan apabila mereka mempunyai perasaan malu untuk berhadapan di khalayak. Sampel kajian ini tidak boleh dikategorikan sebagai pelajar bermasalah dari aspek moral dan etika. Mereka cuma mempunyai kesukaran untuk berinteraksi bersama rakan-rakan di kelas sehingga menyebabkan emosi mereka terjejas. Selain itu, berkait rapat dengan perangai seperti penyegan, pemalu dan penakut. Hal ini telah membawa pengkaji untuk mengamati seterusnya membina program aktiviti pergerakan kreatif dengan bermatlamat ke arah pementapan jati diri pelajar sekolah menengah.

Sesungguhnya kajian ini ingin melihat fenomena kesan yang terjadi apabila pelajar yang mempunyai masalah itu menggunakan modul yang dibangunkan oleh pengkaji. Oleh itu, tidak ada masalah dari aspek penggunaan bilangan sampel iaitu seramai 17 orang pelajar terbabit. Pengkaji tidak melihat perbezaan umur, agama, jantina, prestasi dan sebagainya. Justeru, apa yang penting di sini ialah sejauh mana keberkesanan modul yang dibina dengan menggunakan kaedah ujian rintis ini dapat digunakan oleh sampel tersebut. Ini kerana aktiviti yang dijalankan selama enam bulan menjadi kepentingan untuk pelajar itu hadir pada setiap sesi latihan. Apabila proses enam bulan dapat diikuti secara efisien oleh pelajar tersebut, maka fenomena keberkesanan modul ini dapat dilihat tahap pencapaiannya yang akan dijadikan implikasi dalam kajian ini.





1.7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini terdapat tiga prosedur yang dijalankan partisipasi, pemerhatian dan temubual berstruktur. Prosedur pertama yang dijalankan ialah partisipasi. Pengkaji menyertai seterusnya menjadi seorang guru bertindak memberikan pengajaran teori dan praktikal aktiviti yang ditadbirkan. Tugas ini merupakan tunjang pada proses eksplorasi pergerakan kreatif. Aktiviti yang melibatkan pengajaran secara praktikal menjadi penggerak terhadap tiga jenis bentuk pergerakan yang dibina oleh pengkaji untuk diaplikasikan kepada pelajar.

Prosedur kedua, pengkaji menjalankan pemerhatian berdasarkan rakaman video yang dikendalikan. Kaedah pemerhatian merupakan cara yang digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan menjadi teras di dalam mengenal pasti potensi bakat kreatif yang dicapai oleh pelajar terbabit. Pemerhatian digunakan untuk mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar (semulajadi pemerhatian yang dibuat, penyelidik mendokumenkan dan menjelaskan hal-hal yang berkaitan secara kompleks (Othman Lebar, 2007). Kaedah ini sangat penting bagi memperolehi dapatan kajian yang sahih. Untuk prosedur ketiga, pengkaji memberikan instrumen yang merupakan borang temubual berstruktur untuk pelajar menjawab dalam masa 20 minit (Lampiran B). Seterusnya dikembalikan semula pada pengkaji. Instrumen tersebut sebagai menyokong data-data yang dikumpulkan di dalam kajian ini.

Oleh itu, setelah pengkaji menyertai aktiviti pada peringkat permulaan, analisis yang berterusan dilaksanakan untuk memastikan maklumat yang diinginkan diperolehi





dan tercapai. Selain itu, sewaktu kajian dijalankan rekod pemerhatian yang merujuk kepada rakaman gambar dan peristiwa diaplikasikan oleh pengkaji secara menyeluruh ini disokong oleh (Othman Lebar, 2007) di mana pemerhatian adalah pelakuan merakamkan fenomena biasanya dengan menggunakan instrumen dan merakamkannya untuk tujuan saintifik dan lain-lain (Othman Lebar, 2007).

1.7.4 Tatacara Rakaman Video dan Fotografi

Rakaman dilakukan oleh pengkaji dengan perancangan arahan aktiviti pergerakan kreatif yang telah dibina oleh pengkaji. Arahan-arahan ini diikuti oleh pelajar tersebut dengan menampilkan aksi-aksi pergerakan yang diminta. Terdapat tiga modul yang dibina, setiap modul mengambil masa selama 1 jam untuk dirakamkan. Terdapat dua orang yang membantu pengkaji menerusi aktiviti terakhir pemerhatian. Mereka merakam segala yang berkaitan tentang aktiviti yang dilakukan sepanjang sesi itu berlangsung. Rakaman video dibuat oleh seorang juruvideo dengan menggunakan kamera video berdigital dalam bentuk *still video* hanya diletakkan pada satu sudut di mana tidak bergerak ke mana-mana bagi melihat keseluruhan gambaran sesi rakaman. Hal ini disebabkan oleh pengkaji mahu melihat gambaran keseluruhan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar tersebut mewakili keseluruhan pencapaian kod yang dipungut. Manakala fotografi dijalankan oleh seorang jurufoto menggunakan kamera berdigital di mana beliau akan bergerak dari satu sudut ke satu sudut bagi mengambil gambar aktiviti yang dikelolakan. Video yang dirakam, mengambil masa 3 hari untuk ditukar dalam bentuk *Movie Realplayer*. Hal ini bagi memudahkan pengkaji menonton seterusnya membuat





pemerhatian di komputer riba. Perkara yang sama dilakukan pada gambar-gambar yang diambil seterusnya dipilih bagi dimuatkan dalam helaian lampiran.

1.7.5 Tatacara Pemerolehan Data

Tumpuan terhadap kajian ini adalah menggunakan seramai 17 orang pelajar perempuan. Terdapat tatacara yang perlu dilakukan bagi memudahkan kajian dijalankan. Kajian ini hanya menggunakan sebuah sekolah sahaja maka pengkaji membuat surat permohonan kebenaran secara rasmi untuk dihantar kepada pengetua. Setelah kesemua permohonan diluluskan di mana pengkaji telah mendapat surat kebenaran daripada pihak sekolah. Proses-proses untuk menjalani aktiviti kajian baru dapat dijalankan di mana pengkaji berjumpa dengan guru kebudayaan dan penyelia asrama yang menguruskan aktiviti yang dikendalikan. Seterusnya berbincang berkenaan perjalanan aktiviti (Lampiran C), tempat latihan, etika pakaian, kemudahan dari pihak sekolah serta pengisian yang hendak dibuat oleh pengkaji pada sesi perjumpaan.

1.7.6 Tatacara Pemerhatian

Pengkaji merupakan pengajar bertanggungjawab sebagai penggerak pada aktiviti pergerakan kreatif di dalam sesi kelas yang dijalankan. Setelah mengadakan sesi perjumpaan yang telah ditentukan jangka masa serta beberapa latihan pengukuhan, proses terakhir pemerhatian dijalankan pada fasa terakhir. Penggunaan instrumen borang yang mempunyai kotak-kotak penandaan merujuk kepada pengkaji membuat pemerhatian daripada visual yang dirakamkan





seterusnya ditandakan pencapaian setiap aktiviti yang dibuat (Lampiran F, G dan H). Sistem pengkodan pada setiap kategori yang dibina seperti berikut: Percubaan (1), Penerokaan (2), Penghasilan (3), Penciptaan (4) dan Pembentukan (5). Penerangan kod menunjukkan bahawa nilai angka kecil menunjukkan pencapaian dimiliki dalam aktiviti itu adalah rendah dan angka paling tinggi menunjukkan keputusan yang cemerlang (Lampiran E). Pungutan data Pemerhatian ini akan dilakukan oleh pengkaji sendiri dengan bantuan alat visual rakaman bagi memberikan kesahihan data yang dikumpulkan.

1.7.7 Penganalisan Data

Kajian ini berbentuk kualitatif di mana penganalisan dijalankan mengikut prosedur penyenaian kategori yang ditentukan oleh pengkaji. Struktur penyenaian ini merupakan prosedur pengkodan di mana memecahkan data kepada segmen-segmen dan diberi tanda dalam bentuk nama-nama kategori, simbol-simbol atau perkataan deskriptif tertentu. Menerusi kajian ini, pengkodan terbuka digunakan yang mana merupakan proses memecah-mecah, memeriksa, membanding dan mengkategorikan data.

Proses pengkodan ini menghasilkan konsep, dan kemudian dikumpulkan menjadi kategori. (Othman Lebar, 2007). Menerusi kajian ini, ianya telah dikodkan kepada tiga kategori yang pada setiapnya diikuti dengan aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif yang dibina: (1) Kebebasan pengucapan idea dan perasaan menerusi aktiviti olahan ekspresi tubuh, (2) Ritma menerusi aktiviti pergerakan berirama dan (3) Daya cipta kreatif menerusi eksplorasi pergerakan.





Ketiga-tiga mempunyai identifikasi tertentu dengan huraian pada setiap bahagian memberikan kefahaman terhadap modul yang ingin dilihat keberkesanan di dalam kajian ini. Data yang dikodkan mempunyai ilustrasi berjadual di mana terdapat tahap pencapaian yang ditentukan mengandungi kategori serta klasifikasi pada instrumen yang ditadbir oleh pengkaji.

Seterusnya hasil daripada perolehan data yang dibina, membawa satu bentuk gambaran khusus bilangan aktiviti yang tertinggi mencapai pungutan adalah dikira sebagai hasil yang diperolehi. Setelah mengetahui hasil pemerhatian, sebanyak 17 instrumen borang temubual berstruktur yang dijawab oleh pelajar tersebut dianalisis satu persatu dilakukan bagi mengetahui sambutan pelajar mengikuti aktiviti yang dilaksanakan.



1.7.8 Etika Pelaksanaan Kajian



Data-data yang dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, mahupun rakaman gambar menjadi etika yang dipegang oleh pengkaji agar prosedur kajian ini diterima oleh pihak berkenaan. Setelah surat urusan diperolehi, terdapat beberapa persetujuan yang telah dibuat oleh pengkaji dengan guru yang terlibat. Oleh kerana responden kajian mempunyai permasalahan dari segi sahsiah dan personaliti diri maka nama pelajar, nama sekolah dan nama guru tidak boleh diletakkan di dalam kajian ini. Nama-nama pelajar hanya diletakkan dengan menggunakan singkatan seperti responden 1 (R1) hingga responden 17 (R17). Hal ini adalah untuk menjaga nama baik pihak sekolah dan pelajar yang terlibat menjayakan aktiviti ini. Namun begitu, hasil fotografi merupakan gambar





dirakamkan dipersetujui boleh diletakkan di dalam kajian ini yang berkeperluan untuk menampakkan jenis aktiviti yang dilakukan. Gambar-gambar tersebut tidak boleh diletakkan nama-nama responden terbabit. Etika ini perlu dibuat oleh pengkaji, justeru pengkaji harus menjelaskan hal dan kerahsiaan maklumat tidak terdedah kepada pihak lain untuk melindungi responden.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini tertakluk kepada batasan berikut:

1) Sampel kajian adalah terbatas kepada 17 orang pelajar perempuan, 8 orang dari tingkatan 1 dan 9 orang dari tingkatan 2 dalam lingkungan usia 13 hingga 14 tahun yang tinggal di asrama. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasi kepada semua golongan pelajar perempuan sekolah menengah yang menyertai aktiviti



pergerakan kreatif di Malaysia.



2) Kajian ini tidak melihat dari aspek perbandingan, persamaan menerusi umur, agama dan jantina pelajar. Namun begitu, dibataskan hanya untuk melihat implikasi ujian rintis modul pergerakan kreatif yang dibangunkan oleh pengkaji.

3) Modul-modul ini dikategorikan menerusi tiga ciri:

- a) Kebebasan pengucapan idea dan perasaan
- b) Ritma
- c) Daya cipta kreatif.





- 4) Kajian ini terbatas kepada tiga jenis aktiviti pergerakan kreatif:
 - 1) Olahan Ekspresi Tubuh
 - 2) Pergerakan Berirama
 - 3) Eksplorasi Pergerakan.

- 5) Responden seramai 17 orang pelajar perlu mengikuti aktiviti pergerakan kreatif dalam jangka masa 6 bulan bagi memenuhi proses pemerhatian yang ditadbirkan oleh pengkaji.

1.9 Sorotan Kajian

Limitasi untuk mendapatkan bahan rujukan pergerakan kreatif di Malaysia adalah menjadi kesukaran bagi pengkaji untuk membina sorotan penulisan di dalam



kajian ini. Namun begitu, pengkaji telah mengesan menjumpai tiga jenis buku yang



ditulis oleh Salmah Ayob sekitar tahun 1993, 1994 dan 1998. Ketiga-tiga buah buku ini banyak memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada pengkaji tentang strategi, teknik perancangan dan aktiviti-aktiviti pendidikan pergerakan kreatif.

Salmah Ayob menerusi penulisan beliau *Pergerakan Kreatif dan Pendidikan* diterbitkan pada tahun 1994 memberikan maklumat berkenaan kefahaman mengenai perkembangan pergerakan kreatif pada kanak-kanak dan remaja. Skop buku ini lebih mengutarakan elemen terbaik membina keperluan penting memahami keinginan yang diperlukan oleh kanak-kanak dan remaja menggunakan pergerakan kreatif sebagai landasan pendidikan. Hal ini menarik minat pengkaji mengetahui bagaimana





beliau telah meletakkan ciri-ciri pembangunan yang bersesuaian menjadikan kepentingan pergerakan kreatif dapat disyorkan penerapannya di sekolah.

Salmah Ayob memberikan banyak maklumat dengan menyatakan bahawa pergerakan kreatif saling berkaitan dengan ilmu pendidikan di mana menggunakan proses memberikan rangsangan eksplorasi emosi kanak-kanak mahupun remaja dilepaskan melalui medium pergerakan kreatif. Kepentingan penulisan Salmah Ayob ialah memberikan kefahaman pengkaji tentang proses pengajaran, pembangunan, kaedah perlaksanaan pendidikan pergerakan kreatif merupakan sumber sokongan penting dalam kajian ini.

Pendidikan Pergerakan Mudah oleh Ramakrishnan diterbitkan pada tahun 1998 merupakan bahan bacaan memberikan maklumat kepada pengkaji keperluan meletakkan unsur-unsur kreatif dan ekspresif sebagai nadi penaklukan rangsangan kinestetik, bersesuaian untuk dimajukan pada pendidikan pergerakan. Beliau menerapkan elemen ruang, masa dan aliran yang turut sama diutarakan dalam buku yang ditulis oleh Salmah Ayob dan Llyod sebagai asas utama peneguhan penulisan seterusnya dikembangkan menggunakan elemen tersebut pada bentuk penggunaan pendidikan gimnastik.

Tumpuan Ramakrishnan terhadap penulisannya menyatakan bahawa bidang pendidikan pergerakan perlu diajar dalam pelbagai kaedah yang boleh memberikan responsif kreatif kepada pelajar-pelajar. Walaupun penulisannya lebih memberi fokus kepada Pendidikan Jasmani namun begitu unsur-unsur imaginasi kreatif turut





ditekankan. Beliau menyifatkan kemahiran fizikal dan kreatif sangat penting membina idea-idea penciptaan pergerakan.

Sumbangan beliau pada penerbitan bahan ini ialah cadangan yang boleh digunakan oleh tenaga pengajar di sekolah terhadap kefahaman menyediakan sumber pengajaran pergerakan sebagai suatu medium memberikan kebebasan kepada pelajar untuk melepaskan kongkongan pemikiran. Di dalam aktiviti pergerakan kreatif, terdapat aktiviti yang melibatkan permainan yang menggunakan alatan seperti kayu, belon, kain dan sebagainya. Peralatan ini digunakan dengan acara permainan yang pelbagai dan menarik. Hal ini sangat penting supaya pelajar mempunyai hak kegembiraan mencari apa yang mereka mahukan dan arah potensi kemahiran yang ingin dicapai tanpa ada sebarang sekatan. Pengkaji amat bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh beliau dan menyifatkan sebagai satu pengukuhan



yang perlu dibangunkan pada sistem pendidikan masa kini.



Selain itu, pengkaji telah menjumpai beberapa kajian lapangan di luar negara (Amerika Syarikat dan United Kingdom) menggunakan pergerakan kreatif sebagai kaedah pengajaran menerusi program pendidikan seperti Pendidikan Jasmani, Sastera, Matematik, Sains dan Perubatan telah memberikan kesan serta faedah yang berguna dari aspek pendedahan untuk menjana idea kreatif, pendekatan terhadap intelektual, emosi dan rohani. Kaedah yang digunakan adalah bagi menarik minat untuk meningkatkan potensi melalui implementasi pergerakan kreatif dalam apa jua bidang yang ingin disampaikan. Hasil-hasil kajian lepas mendapati pergerakan kreatif telah digunakan dalam banyak lapangan mengikut objektif yang ingin dicapai.





Developing the Motor Creativity of Elementary School Physical Education

merupakan disertasi Doktor Falsafah dari University of Georgia, Athens, Amerika Syarikat oleh Hanson pada tahun 1992. Beliau melihat satu tinjauan terhadap keberkesanan pengajaran berfokuskan pergerakan kreatif bagi membangunkan motor kreativiti dalam kalangan pelajar tahap empat Pendidikan Jasmani. Apa yang dilihat melalui kajian ini beliau menggunakan Kerangka Kurikulum Proses Bertujuan *Purpose Process Curriculum Framework (PPCF)* untuk membangunkan rangka kurikulum melalui proses pergerakan kreatif yang mempunyai tiga bentuk: (1) Objektif, (2) Susunan atur pengisian aktiviti dan (3) Hasil. Sejumlah 58 orang pelajar yang diletakkan pada situasi pengajaran yang berbeza dilakukan pengajaran secara kreatif dan pengajaran secara tradisional. Di dalam aktiviti pengajaran, bentuk pergerakan kreatif yang diguna pakai ialah penggunaan mengangkat bola, melompat, menari dan ritma. Kedua-dua kumpulan menggunakan aktiviti pengajaran yang sama cuma yang membezakan mereka ialah pendekatan terhadap pengajaran. Pendekatan kaedah pengajaran secara tradisional (terus menerus dan pelajar melakukan aktiviti mengikut kefahaman sendiri). Kaedah pengajaran secara kreatif pula, (menyampaikan, membuat, membentuk serta menjalani proses pergerakan kreatif bersama dengan pelajar).

Data yang diperoleh adalah dinilai mengikut keputusan kreativiti secara keseluruhan, kreativiti motor dan kemahiran motor. Kajian ini menemui beberapa keputusan dalam aktiviti pengajaran terhadap dua kumpulan terbabit, pelajar yang mengikuti aktiviti pengajaran pergerakan kreatif mempunyai keputusan dari aspek perubahan persembahan seperti kreativiti motor, keupayaan dalam kemahiran motor,





melahirkan pelajar yang positif dari aspek sosial efektif dan kemahiran pembelajaran yang terarah dan kreatif.

Faedah yang berguna pada kajian ini ialah melihat bahawa bagaimana pembangunan kreativiti dapat dibangunkan menggunakan pergerakan kreatif sebagai prinsip yang mudah untuk dikuasai oleh responden terbabit. Hal ini sebagai proses ke arah memperlihatkan perbezaan aras pendidikan konvensional dan implementasi pendidikan yang baru untuk memenuhi pencapaian sokongan penjanaan kreativiti.

The Effect of Creative Movement and Contact Improvisation Experience on Self-Awareness disertasi Doktor Falsafah dari The University of Houston, Amerika Syarikat oleh Wilson pada tahun 1985. Beliau telah menggunakan pergerakan kreatif ke atas hubungan pengalaman improvisasi terhadap kesedaran sendiri. Terdapat lapan jenis pergerakan kreatif yang telah diaplikasikan. Eksplorasi terhadap tinjauan pergerakan manusia adalah dilihat sebagai bentuk terapi tari dengan menggunakan pergerakan kreatif serta improvisasi kepada bentuk pergerakan untuk mengetahui komunikasi, keyakinan diri dan sensitiviti rasa yang hadir dalam diri.

Wilson ingin mengetahui pengisian yang hadir apabila menggunakan improvisasi mahupun pergerakan dalam konteks kesedaran sendiri. Kajian beliau adalah berdasarkan pemilihan pelajar yang mengikuti kursus pergerakan kreatif dan improvisasi seterusnya ingin mengetahui apa yang mereka perolehi apabila mengambil kedua-dua kursus ini. Berdasarkan daripada pengalaman di dalam aktiviti pembelajaran tersebut terdapat penekanan yang dapat dilihat pada dimensi kesedaran dalam diri.





Laporan pembelajaran pergerakan kreatif adalah penekanan terhadap kesedaran pembangunan emosi dan fizikal manakala laporan pembelajaran improvisasi adalah penekanan terhadap emosi dan kesedaran fizikal. Namun begitu, keputusan yang diperolehi di dalam kajian ini membekalkan kefahaman berkenaan pembelajaran pergerakan kreatif dan improvisasi merupakan pengalaman yang mengandungi kesan terhadap kesedaran sendiri. Kesan ini adalah berbeza bagi setiap individu dan memberikan implikasi yang baik pada sahsiah diri, disiplin individu. Hal ini memberikan sokongan kepada pengkaji bahawa terdapat kesan yang positif dalam menggunakan kaedah pergerakan kreatif mahupun improvisasi sebagai satu elemen pendidikan tari serta terapi tari yang berguna.

Creative Movement: A Powerful Strategy to Teach Science oleh Cornia Ryan menerusi disertasi Ijazah Sarjana dari Ontario Institute for Studies in Education of the University of Toronto pada tahun 2006. Beliau memberikan perbincangan positif menerusi tesis ijazah sarjana beliau berdasarkan keputusan yang dicapai adalah menggunakan kaedah drama dan pergerakan dalam modul kurikulum Sains pada pelajar universiti. Menurut beliau menggunakan elemen drama dan pergerakan dapat membantu pelajar memahami konsep pembelajaran Sains dengan lebih dekat lagi melalui konsep membentuk hal-hal berkaitan dengan pendekatan visual melalui pergerakan, perlakuan dan lakonan.

Keputusan yang diperolehi oleh Cornia Ryan dalam kajiannya mendapati setelah pelajar tamat mengambil modul ini prestasi terhadap penilaian adalah membanggakan. Pencapaian pemahaman terhadap pelajaran Sains dan rasa berkeyakinan untuk memahami modul ini dilihat sangat positif dan berkesan.





Jurnal yang ditulis oleh Alban Metcalf, R.J. Abott, S. Bray, P. Exley dan D. Wisnia berkenaan *Teaching Science through Drama: An Empirical Investigation* pada tahun 1984. Mereka membincangkan keputusan di mana telah membezakan dua kumpulan fokus pada mata pelajaran Sains di mana sebuah kumpulan menggunakan pendekatan drama dan pergerakan manakala sebuah kumpulan lagi menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Kelas tersebut mempunyai pelajar sekitar usia 10 hingga 11 tahun.

Pergerakan kreatif dan aktiviti drama dijadikan kaedah pembelajaran di mana menggunakan pergerakan dan lakonan dalam membentangkan topik seperti molekul diaplikasikan dengan pelbagai bentuk gerak dan aksi. Beliau berpendapat terdapat tiga tahap kefahaman: (1) Mengingati kembali (2) Memperjelaskan (3) Interpretasi kepada soalan. Keputusan yang telah dicapai di mana kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah pergerakan kreatif dan drama memberikan impak terhadap daya pemahaman dalam mata pelajaran Sains sangat tinggi.

Melihat dari aspek penilaian lisan dan jawapan soalan peperiksaan yang dijalankan pelajar tersebut berkemampuan memahami, menakluki, menganalisis segala soalan yang diberikan secara positif dengan penuh kreatif. Pengisian terhadap jawapan yang diberikan mempunyai pengisian pemahaman dari aspek menjana pemikiran untuk lebih kreatif pada mata pelajaran Sains. Berbeza dengan pelajar yang menggunakan teknik tradisional di mana penguasaan dari aspek pemahaman memberikan jawapan penilaian tidak kira secara lisan mahupun jawapan soalan peperiksaan bersifat terus menerus tanpa ada huraian kreatif yang diletakkan pada jawapan yang dibuat.





Alban Metcafle dan rakan-rakan memberikan cadangan bahawa walaupun mata pelajaran Sains merupakan kaedah pengajaran yang saintifik tetapi proses yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran perlu dicorakkan dengan agenda kreatif tidak kira melalui pergerakan ataupun lakonan semata-mata. Proses ini amat penting kepada pelajar untuk memberikan pendekatan yang menarik supaya proses menganalisis teori yang terkandung digunakan dengan pelbagai bentuk bagi mencapai tahap kemampuan pelajar agar lebih berkeyakinan mengambil mata pelajaran ini. Implementasi pergerakan kreatif menerusi pendekatan yang pelbagai dalam apa jua lapangan memberikan implikasi dari segi keputusan mahupun terhadap pencapaian potensi kemahiran berfikir ke arah kreativiti. Objektif, visi dan misi pelaksanaan perlu menjadi agenda utama merealisasikan skop pengaplikasian yang hendak dijalankan. Penyusunan terhadap matlamat pengajaran menjadi pendekatan penting sebagai keperluan bagi membina struktur kurikulum yang



Adventure in Creative Movement Activities: Guide For Teaching oleh Llyod diterbitkan pada tahun 1998 memberikan informasi kepada pengkaji bagaimana kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk membuat pergerakan kreatif dalam pengajaran. Beliau meletakkan beberapa pendekatan serta contoh-contoh menggunakan komponen ruang, tubuh masa dan daya sebagai asas membina struktur kaedah pengajaran yang berkesan. Buku ini memberikan petunjuk kepada pengkaji teknik-teknik untuk melatih dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan merangka aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif yang sangat berguna dalam lapangan kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan buku ini sebagai sumber untuk





membangunkan aktiviti yang dibina mengikut apa yang disyorkan oleh beliau seterusnya dibentuk mengikut kesesuaian yang dikehendaki dalam kajian ini.

Buku yang ditulis oleh Minton *Body and Self, Partner in Movement*. diterbitkan pada tahun 1989 membincangkan mengenai pergerakan merupakan komunikasi tubuh mempunyai sifat bunyian, bentuk, pengucapan, perasaan, dan idea. Proses yang dilalui semasa aktiviti yang dikendalikan memberikan konsep yang aktif untuk membina strategi pengajaran secara individu mahupun pasangan. Pelaksanaan aktiviti pengajaran memberikan kesan dari aspek aktif pada suasana pengajaran yang dijalankan mahupun sebaliknya.

Kesan dari sesi pengajaran pergerakan kreatif secara pasangan membawa perubahan menghindari kebosanan dan tekanan dalam diri. Berdasarkan daripada kajian yang dijalankan oleh beliau mendapati faedah seperti pemahaman pelajar dilihat lebih produktif. Pendekatan rasa pada setiap pasangan dalam aktiviti yang diajar memberikan rangsangan dalaman pada persekitaran pembelajaran. Pandangan beliau menyatakan proses itu dilihat sebagai pembelajaran aktif dan efektif berbeza dengan kaedah pengajaran di dalam kelas menggunakan teknik pengajaran terus menerus.

Minton berpendapat penggunaan pergerakan kreatif dalam aktiviti pengajaran mempunyai dua konsep yang berkesan seperti (1) membina gambaran sebuah komponen pergerakan yang ingin digunakan seperti kualiti pergerakan, jenis pergerakan, arah, aras, saiz, bentuk, laluan, kedudukan, jangka masa dan ritma dari mula pergerakan dibina sehingga tamat. Komponen ini perlu bagi membekal





pengalaman eksplorasi seperti penggunaan saiz, bentuk, warna dan aras. (2) konsep kedua lebih memperlihatkan proses pembelajaran dan komunikasi yang boleh digunakan di dalam pergerakan melalui hala tuju pergerakan, interpretasi pergerakan dan konsep yang digunakan.

Kebanyakan yang berjaya melalui proses ini berdasarkan inspirasi detik rasa komunikasi luar daripada pengucapan kata-kata seperti pergerakan kasar serta pergerakan laju, perbezaan merasai pergerakan perlahan hingga laju dan pergerakan berpusing bersama pasangan. Beliau menyatakan sebagai rangsangan kinestetik asas fizikal memberikan laluan pembinaan hubungan di antara pergerakan dan pembelajaran.

Oleh itu, penulisan beliau memberikan kefahaman kepada pengkaji tentang pembentukan pergerakan dengan ragam yang pelbagai merencanakan rangkaian maksud tersendiri. Terdapat lima bentuk: (1) Membina kreativiti, (2) Kerjasama, (3) Ingatan, (4) Kemahiran menyelesaikan masalah dan (5) Memahami konsep bekerjasama di antara satu sama lain membina peristiwa pergerakan yang dilalui. Faedah yang dapat disimpulkan ialah terdapat kewujudan konsep komunikasi pengajaran secara individu mahupun berpasangan yang berkesan apabila dijayakan dengan aktiviti berteraskan pergerakan kreatif.

Gilbert menerusi buku *Creative Dance For All Ages* diterbitkan pada tahun 1992. Tinjauan beliau memberi impak dari aspek faedah yang berguna pada aktiviti pergerakan kreatif digunakan secara peribadi mahupun golongan pelbagai usia. Beliau menjalankan aktiviti yang pelbagai dengan melukis pelbagai bentuk alam





untuk dijadikan bahasa pengucapan seterusnya menampilkan bentuk gerak seperti tolak, pusing, lompat dengan emosi gembira, sedih dan marah melalui penggunaan bahasa dan fizikal sebagai asas bentuk gaya eksplorasi pergerakan kreatif.

Gilbert telah menggariskan beberapa perkembangan positif pergerakan kreatif dalam penggunaan pembelajaran merujuk kepada pembelajaran bersifat kinestetik termasuklah peningkatan kefahaman, budaya, pendidikan efektif, kemahiran sosial dan keterlibatan pelajar dengan penuh semangat yang tinggi menjadi lebih kreatif.

Beliau meletakkan aktiviti pergerakan kreatif melalui konsep fizikal ke arah cara lebih progresif perkembangannya serta dilihat sebagai menjana memori melalui proses-proses yang pelbagai terhadap rangsangan pemikiran yang kreatif.

Kepentingan buku ini adalah memberikan kepercayaan kepada pengkaji bahawa menghubungkan pendidikan pergerakan kreatif dalam bentuk pengucapan bahasa adalah salah satu teknik pengisian bagi memberikan pemahaman serta menajamkan fizikal dan mental agar mudah untuk berinteraksi terhadap potensi diri dengan luahan pelepasan berbentuk kata-kata.

Teaching Children Dance oleh Cone dan Theresa sebuah buku diterbitkan pada tahun 2005 memperihalkan berkenaan pendekatan dan alat bantuan mengajar secara efektif untuk kanak-kanak. Buku ini menyediakan konsep tentang kaedah pengajaran tari kanak-kanak yang bersesuaian diaplikasikan di dalam kelas. Cadangan-cadangan yang dirangka, khusus mendedahkan kepada pergerakan tari dengan kreativiti dibentuk mengikut objektif sesi yang menarik bagi kanak-kanak





ikuti. Kefahaman terhadap kemahiran pintar tenaga pengajar mengelolakan aktiviti tari kanak-kanak menjadi isu di mana perlaksanaannya perlu dipelbagaikan agar tidak timbul rasa kebosanan. Menyedari hal ini, pengkaji amat menyukai kupasan tersebut di mana seorang tenaga pengajar perlu mempersembahkan kaedah pengajaran yang menarik agar menjadi tumpuan. Hal ini merujuk kepada bahan pengajaran, muzik latar yang digunakan, arahan-arahan yang pelbagai dan gerak tari yang diciptakan adalah menjadi aspek penting terhadap aktiviti yang dikendalikan.

Selain itu, membincangkan perkara penting mengenai pengajaran tari kanak-kanak dan kepentingannya pada pembangunan dari aspek budaya, sosial dan kesihatan. Hal ini berkepentingan terhadap proses tumbesaran yang mana memberikan kefahaman erti sebuah kehidupan untuk dihargai sepenuhnya oleh mereka. Pengkaji mendapati bahawa fokus memberikan ruang untuk kanak-kanak menjayakan aktiviti secara ekspresif dan kreatif sering dibincangkan. Landasan utama ialah memberikan kenikmatan kepada kanak-kanak berasa seronok pada sesi pengajaran yang dibentuk. Walaupun buku ini menyediakan rangka konsep untuk tarian kanak-kanak semata-mata, namun kepentingannya dapat memberikan pengetahuan terhadap nilai apresiasi pendidikan yang sangat berguna informasinya di dalam kajian ini.

Oleh itu, maklumat yang diperolehi memberikan perkembangan yang jelas mengenai pendidikan pergerakan kreatif serta penggunaannya di dalam pelbagai lapangan. Menerusi pendekatan untuk menghasilkan, membentuk, meneroka, mencipta pergerakan kreatif, adalah kaedah memberikan keupayaan kepada individu memahami terhadap kesedaran yang dapat memupuk kemahiran asas melalui aktiviti





fizikal bagi membina potensi diri yang sihat. Menyedari hakikat ini, keperluan pergerakan kreatif sebenarnya sangat membantu dalam menitikberatkan rangsangan-rangsangan mental, rohani dan fizikal sebagai tunjang membentuk pemikiran berdaya kreatif.

1.10 Takrifan Istilah

Takrifan-takrifan istilah yang diterangkan pada bahagian ini merupakan istilah-istilah yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja. Di antaranya ialah:

1.10.1 Pergerakan Kreatif

Menurut Llyod (1998) pergerakan kreatif merupakan bentuk pernyataan sendiri yang unik. Matlamatnya ialah berkomunikasi melalui pergerakan. Badan, ruang, masa dan daya adalah komponen yang penting di dalam pergerakan kreatif. Pergerakan kreatif meliputi proses seseorang individu atau berkumpulan memilih pergerakan yang bersesuaian dengan apa yang ingin dicapai mengikut ekspresi, tema (idea pergerakan), mempersembahkan tarian dan sebagainya. Pergerakan kreatif bukan satu susunan ragam tari yang diajar oleh guru seterusnya pelajar menghafal pergerakan itu tetapi membentuk pergerakan yang akan dibina sendiri oleh individu hasil dari bimbingan guru. Justeru, menerusi kajian ini terdapat tiga jenis pergerakan kreatif yang ditadbir oleh pengkaji:

- 1) Olahan ekspresi tubuh
- 2) Pergerakan berirama
- 3) Eksplorasi pergerakan

Ketiga-tiga bentuk dinyatakan dan diaplikasikan dalam kalangan responden yang terlibat pada kajian.





1.10.2 Pendidikan Pergerakan Kreatif

Menerusi kajian ini, ianya merujuk kepada penerokaan potensi pelajar bereksplorasi menggunakan tubuh, ruang, masa dan daya ke arah integrasi proses pembelajaran meningkatkan keyakinan dan keterampilan diri. Di dalam aktiviti pergerakan kreatif yang dijalankan, terdapat pengalaman kinestetik yang dapat membentuk kesedaran untuk mereka menjadi lebih aktif menginterpretasikan perbendaharaan gerak yang menarik tanpa rasa malu. Berdasarkan pengalaman tersebut, apabila penciptaan gerak yang dibina kelihatan baru dan unik maka telah menampilkan penjanaaan idea-idea kreatif itu berlangsung pada diri mereka. Proses tersebut memberikan faedah meningkatkan kecergasan fizikal, mental dan emosi menjadi teras sebuah bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dinamik.

1.10.3 Jati diri



Merujuk ke arah memantapkan identiti diri yang berfungsi untuk merealisasikan perkembangan sahsiah bagi memartabatkan kesatuan jiwa manusia dengan peneguhan potensi diri, sahsiah diri, keyakinan diri dan keterampilan diri yang dinamik. Menerusi kajian ini, elemen pendidikan pergerakan kreatif dijadikan agen pemantapan jati diri pelajar sekolah menengah.

1.10.4 Pemantapan

Memperihalkan (perbuatan), memantapkan mahupun penstabilan dalam usaha memperkukuhkan diri individu menjadi seorang yang berkarisma dan berkeyakinan tinggi. Menerusi kajian ini pemantapan merujuk kepada memperihalkan pengukuhan, penstabilan jati diri pelajar sekolah melalui pendidikan pergerakan kreatif.





1.10.5 Pelajar Sekolah Menengah

Pelajar yang bersekolah di tahap menengah rendah yang berusia 13 hingga 15 tahun manakala menengah atas yang berusia 16 hingga 19 tahun. Menerusi kajian ini, pelajar sekolah menengah yang dimaksudkan ialah seramai 17 orang pelajar perempuan dari tingkatan 1 yang berusia 13 tahun seramai 8 orang manakala tingkatan 2 yang berusia 14 tahun seramai 9 orang.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan latar belakang kajian berfokus kepada pernyataan masalah yang mendorong kajian ini dijalankan. Implikasi terhadap pembangunan pendidikan pergerakan kreatif menjadi alternatif berguna terhadap kepentingan persekitaran pembelajaran dinamik yang sesuai diaplikasikan di sekolah pada masa kini. Ciri-ciri pendidikan pergerakan kreatif memberikan kecergasan fizikal dan mental menjadi pengukuhan jati diri wadah penemuan bakat yang unik untuk memperkembangkan potensi pelajar.

Menerusi kajian ini, pengkaji ingin mengetahui sumbangan dan implikasi tiga modul dan tiga jenis aktiviti yang telah dibangunkan untuk diaplikasikan oleh sampel kajian. Kaedah kajian adalah menggunakan bentuk kualitatif berteraskan partisipasi dan pemerhatian dengan perolehan sumber primer dan sekunder. Ia sebagai langkah bagi memperolehi dapatan kajian melihat pemantapan jati diri pelajar sekolah menengah melalui pendidikan pergerakan kreatif. Bab seterusnya membincangkan teori-teori dan model yang diguna pakai di dalam kajian ini.

